

UTUSAN BORNEO(Sarawak)-9 OGOS 2018

LKTN teruskan pelaksanaan pelan pembangunan komoditi kenaf

Utusan Borneo (Sarawak)9 Aug 2018

KOTA BHARU: Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) akan terus melaksanakan pembangunan kenaf berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Industri Kenaf (PIPK) 2015- 2025 seperti yang dirancang kerajaan terdahulu.

Pengerusi LKTN yang baharu Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkata fokus semasa LKTN adalah melengkapkan rantaian nilai pengeluaran dan meningkatkan penglibatan pihak swasta dalam pelaburan kenaf.

“Kita melihat kenaf sebagai satu komoditi yang mampu menjadi sumber pertumbuhan ekonomi baharu. Bagaimanapun LKTN perlu proaktif melalui penerokaan pasaran baharu selain menarik lebih ramai penglibatan pelabur swasta,” katanya ke- pada pemberita di Ibu Pejabat LKTN di sini, semalam.

Terdahulu beliau menghadiri sesi taklimat yang disampaikan Ketua Pengarah LKTN Samsudin Noor berhubung peranan lembaga itu dan hala tuju industri kenaf serta tembakau negara.

Wan Abdul Rahim berkata industri kenaf berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai bahan mentah alternatif kepada industri bahan binaan berasaskan bio komposit, industri automotif dan penerbangan pada masa depan.

“Dianggarkan nilai pasaran dunia tiga industri utama ini mencecah RM3.5 bilion menjelang 2025. Kita mengunjurkan saiz permintaan kenaf sebanyak 10 peratus iaitu RM350 juta daripada nilai keseluruhan mampu dijana bagi pasaran domestik dan eksport untuk komoditi kenaf,” katanya.

Sementara itu beliau berkata LKTN akan menambah keluasan tanaman kenaf kepada 2,500 hektar tahun ini berbanding 2,213 hektar tahun lepas.

Katanya pertambahan itu membabitkan kira-kira 1,000 pekebun kecil dengan purata pendapatan RM1,750 sebulan membabitkan pengeluaran fiber dan benih kenaf.

Dalam pada itu beliau berkata kerajaan akan meneliti pelbagai insentif bagi menggalakkan pembangunan industri kenaf termasuk mengadakan persidangan kenaf kebangsaan pada Oktober ini.

Kenaf ditanam secara komersil pada 2010 dan pelbagai program utama telah memberi impak besar pada Rancangan Malaysia ke-11. — Bernama